

**Window International Network memperkenalkan Berdoa melalui Tingkap 9: Keganasan Global dan Agama-agama Dunia dalam Tingkap 10/40, gerakan doa antarabangsa. Kami menjemput kamu dan lingkungan pengaruh kamu untuk menjadi sebahagian beban moden hari ini.**

Kami mendefinisikan keganasan sebagai penggunaan kuasa atau keganasan terhadap mereka yang tidak bersenjata. Keganasan yang dirancang si iblis sedang mengucar-kacirkan negara-negara dalam Tingkap 10/40 dan juga negara-negara di Barat. Setiap agama bukan Kristian – Islam, Hinduisme dan Buddhisme – berpusat di dalam negara-negara 10/40.

Ia cukup menarik untuk memerhatikan bahawa 4 dari 5 negara di dunia yang menyumbang secara aktif kepada aktiviti keganasan juga merupakan negara yang ada ranking (tahap) tinggi pada senarai penganiayaan Kristian. Empat negara ini – Syria, Iran, Korea Utara dan Sudan – semua terletak di dalam tingkap 10/40.

Apabila kerajaan Saudi Arabia menjemput Amerika Syarikat untuk mempertahankan Saudi Arabia dari serangan agresif dari bekas presiden Iraq, Saddam Hussein pada 1990, ekstremis Islam sangat marah. Permintaan Saudi Arabia untuk perlindungan dianggap sebagai pencemaran tanah suci Islam oleh Bin Laden dan al-Zawahris di dunia, dan sebagai tindakan berperang yang didefinisikan sebagai *dar-al-harb* (Rumah Perang) menentang *dar-al-Islam* (Rumah Islam). Osama Bin Laden bersama dengan Ayman al-Zawahri dan dua orang ekstremis Islam yang lain mengistiharkan fatwah (penafsiran undang-undang Islam secara formal), yang memanggil untuk jihad (perang suci) dan mendorong orang Muslim untuk membunuh orang Barat, Kristian dan Yahudi di mana saja mereka ditemui.

Keganasan dan agama sedunia radikal digerakkan oleh kuasa kegelapan. Oleh itu kita mesti menangani isu-isu rohani ini dengan doa. Kita mesti memohon Tuhan untuk meruntuhkan kubu rohani yang memegang manusia yang berharga di dalam ikatan dan yang memimpin mereka ke dalam kekekalan tanpa Kristus. Kita mesti berdoa bagi pihak mereka di depan Bapa untuk mencabut seramai yang mungkin dari genggamannya iblis dan kuasa kegelapan.

Ia merupakan tanggungjawab kita sebagai orang Kristian untuk berdoa dengan tekun untuk orang yang hilang. Kita mesti memohon Allah bagi pihak orang Kristian yang dikacau oleh orang Hindu radikal di India, pembunuhan orang Islam yang tidak bersenjata di kawasan Darfur bahagian barat Sudan oleh *janjaweed* (askar yang bersenjata dan menaiki kuda) yang disokong kerajaan, pembunuhan tak berakal dan kekacauan orang Kristian di Sri Lanka oleh Tamil

Tigers, atau keganasan secara rambang. Negara-negara di dalam tingkap 10/40 memerlukan doa kita.

Kita mesti berdiri untuk keadilan. Adakah kamu akan mengikuti orang Kristian di seluruh dunia sambil berdoa dengan sungguh-sungguh, dengan pengertian dan dengan setia untuk mereka yang dianiaya di dalam negara-negara tingkap 10/40? Adakah kamu akan mengikuti kami dalam doa untuk mereka yang tersangkut di dalam agama-agama dunia? Mereka telah ditipu untuk percaya bahawa perbuatan keagamaan mereka akan menyelamatkan mereka. Hanya ada satu jalan kepada Allah Bapa dan itu adalah melalui Anak-Nya yang tunggal, Yesus Kristus. Mari kita berdiri dalam celah dan berdoa bagi mereka yang tidak mengenal Yesus sebagai Tuhan dan Juruselamat peribadi mereka.



**Window International Network**

Peti Surat 49127  
Colorado Springs, CO  
80949, Amerika Syarikat

Tel: 719-522-1040  
Faks: 719-277-7148  
Emel: [win@win1040.com](mailto:win@win1040.com)

Laman Web: [www.win1040.com](http://www.win1040.com)

Pesan lebih banyak kalender di [www.win1040.com/resources](http://www.win1040.com/resources) today!

*Windows International Network ialah organisasi yang tidak mencari keuntungan, yang punya misi untuk memaklumkan, melengkap, dan mengerakkan jaringan doa di seluruh dunia untuk menguatkuasakan penginjilan yang berkesan, pertumbuhan gereja dan pemuridan di dalam tingkap 10/40. WIN dimulakan pada 1999 untuk meneruskan bahagian doa antarabangsa dan penjangkauan yang dimulakan AD2000 United Prayer Track dan Christian Information Network. Gerakan doa ini bermula pada 1993. Kita telah menggerakkan lebih daripada 40 juta orang untuk berdoa untuk tingkap 10/40 dan membantu dalam menyatukan beratusan perjalanan doa untuk negara-negara tingkap 10/40.*

Pasukan Doa yang besar mengambil suatu perjalanan doa ke Albania pada 1993. Mohammad, seorang budak berumur 12 tahun menanya ketua kumpulan kami berapa lama dia sudah menjadi seorang Kristian. Membalas, ketua kumpulan itu menanya Mohammad yang kecil berapa lama sudah dia jadi orang Muslim. Jawapan Mohammad mengejutkan dan penuh kebanggaan, “500 tahun!” Pemuda ini telah menyerap kesetiaan generasi-generasi sebelum ini dan memasukkannya ke dalam generasinya sendiri, sepertimana yang diajar oleh kebudayaannya. Amalan ini bukan sahaja terhad kepada kesungguhan agama tetapi menjangkau kepada kemarahan yang dilontar pada keluarga dan masyarakatnya. Pelanggaran yang berlaku menentang keluarga Muslim Mohammad selama 5 abad masih nyata kepadanya seakan-akan ia baru sahaja berlaku!

Tambahan, ramai orang Islam percaya bahawa apa sahaja tanah yang pernah dijajahi kuasa Islam masih dimiliki Rumah Islam, dan orang muslim yang radikal punyai harapan dan niat untuk melihat tanah itu dikembalikan kepada Rumah Islam. Akibatnya, orang Islam tidak pernah mengampuni dunia Barat kerana memotong empayar Ottoman pada 1924 dan memberikan tanah yang dimiliki dar al Islam (Rumah Islam) kepada agama-agama lain.

Menurut Jabatan Negeri Amerika Syarikat, empat daripada lima kerajaan yang menyokong keganasan secara aktif ada di dalam tingkap 10/40 – Syria, Iran, Korea Utara dan Sudan.

Tingkap 10/40 mewakili kawasan segi empat tepat di dunia, yang meluas dari 10 darjah selatan ke 40 darjah utara garis khatulistiwa. Di sini ada beberapa fakta penting tentang tingkap 10/40:

- Tingkap 10/40 meluas dunia dari Afrika Barat, Afrika Utara, Timur Tengah, Semenanjung Arabia, Asia Timur dan Asia Tenggara.
- Lebih 4 bilion orang tinggal di dalam tingkap 10/40.
- Kira-kira 1.3 bilion orang tidak pernah mendengar Injil sekali pun.
- Setiap agama bukan Kristian yang utama terletak di sini (Islam, Hinduisme, Buddhisme, Tribalisme, dan Ateisme)
- Statistik menyokong maklumat bahawa kawasan ini dalam dunia melatih dan merupakan kawasan persembunyian bagi pegganas.
- 43 dari 50 negara tertinggi dalam penganiayaan Kristian terletak di dalam kawasan ini.

- Rasuah, kemiskinan, kejahatan dan pelanggaran hak asasi manusia berleluasa dalam tingkap 10/40, yang menjadikannya kawasan penternakan aktiviti iblis.

Berdoa supaya Allah campurtangan bagi pihak mereka yang berada dalam kesusahan kerana keganasan dan agama sedunia yang radikal. Juga berdoa untuk mereka yang digunakan sebagai alat untuk melakukan kehendak kuasa kegelapan di dalam tingkap 10/40.

Sambil kita berjuang dalam perjuangan iman yang baik, ingat Firman Allah dalam Efesus 6:12, “karena perjuangan kita bukanlah melawan darah dan daging, tetapi melawan pemerintah-pemerintah, melawan penguasa-penguasa, melawan penghulu-penghulu dunia yang gelap ini, melawan roh-roh jahat di udara.”

Apabila kita berdoa, kita mesti kenakan seluruh perlengkapan senjata Allah dan bila kita sudah lakukan segala yang kita tahu untuk lakukan, berdiri. Berdoa Firman Allah. Ingat: Dia memerhatikan Firman-Nya untuk menggenapinya.

## BAGAIMANA MENGGUNAKAN KALENDER INI

- Tempah dan edarkan kalender ini dalam lingkungan pengaruh kamu. Tempah dengan memanggil 719-522-1040 atau lawat laman web kami di [www.win1040.com](http://www.win1040.com). Simpan kalender doa ini dekat supaya kamu akan selalu ingat untuk berdoa.
- Gerakkan gereja, keluarga, kawan-kawan dan kumpulan kecil untuk berdoa untuk tingkap 10/40.
- Dorong pastor kamu untuk anjurkan 'Hari Minggu Misi Tingkap 10/40' pada hari Ahad pertama bulan Oktober.
- Cari peluang untuk membawa kesedaran mengenai penganiayaan dahsyat pada gereja dalam tingkap 10/40.
- Lihat berita tentang negara-negara tingkap 10/40 dan berdoa.
- Fikirkan buat perjalanan doa ke salah satu negara tingkap 10/40. Kamu akan berjumpa dengan orang-orang yang kamu sedang doakan, mengalami budaya mereka, lawat kawasan perjiranan mereka dan luaskan hati kamu kepada mereka. Berdoa di tempat itu sendiri akan mengubah kehidupan kamu secara mendasar.

## RASUAH

Berdoa supaya orang Kristian tidak digoda untuk menerima rasuah. Berdoa supaya akan ada lelaki dan perempuan yang punyai kejujuran. (Amsal 6:35)

Berdoa supaya lelaki dan perempuan yang saleh akan mendapat kedudukan yang dapat mempengaruhi negara-negara mereka. (Daniel 2:48)

Berdoa supaya kerajaan dan pihak keselamatan akan bertindak dengan bertanggungjawab dan adil untuk melindungi masyarakat Kristian. (1 Timotius 2:1-4)

Berdoa supaya kekayaan baru dari minyak akan digunakan dengan bijak untuk kebaikan semua rakyat, dan ketakutan bahawa itu akan mengakibatkan rasuah dan keganasan hanya jadi khabar angin saja. (Amsal 10:22)

Berdoa supaya bantuan keperikemanusiaan dan pertolongan akan diterima oleh mereka yang paling memerlukan. (Mazmur 35:10)

Berdoa supaya ada penghujung kepada diskriminasi terhadap orang Kristian dan supaya mereka mendapat kerja yang baik agar mereka dapat menjaga keluarga mereka dengan baik. (Kejadian 39:4)

Berdoa untuk hikmat bagi orang Kristian yang berhadapan dengan rasuah yang ditawarkan oleh pegawai-pegawai. Berdoa supaya mereka akan berdiri teguh untuk hak yang betul dan tidak akan melibatkan diri dalam rasuah. (Ulangan 16:19).

## KELALIMAN

Penjualan dadah di Afghanistan dianggap paling teruk di dunia. Berdoa supaya ia akan berhenti. (Markus 4:6)

Berdoa supaya masyarakat antarabangsa akan menyelidiki pembunuhan dan layanan tak berperikemanusiaan orang Kristian yang ditahan atas tuduhan palsu oleh kerajaan-kerajaan yang jahat. (Mazmur 27:12)

Berdoa supaya organisasi ketenteraan dan esktremis akan diminta pertanggungjawapan yang lebih besar atas perbuatan mereka yang tidak munasabah. (1 Petrus 4:5)

Berdoa supaya sekuriti yang berkesan diberikan oleh tentera dan polis supaya rakyat tidak perlu mengambil undang-undang dalam tangan mereka sendiri. (Amsal 10:9)

Berdoa supaya orang Kristian di seluruh dunia akan meminta kerajaan mereka untuk melihat ke dalam layanan buruk pada orang Kristian di dalam tingkap 10/40 dan supaya gereja global akan mencari jalan untuk memenuhi keperluan fizikal mereka. (1 Yohanes 3:17-18)

Tolong doakan supaya orang Kristian yang dianiaya akan mengenal perlindungan Allah, penghiburan dan dorongan di tengah-tengah kelaliman dan pengucilan. (Mazmur 91)

Berdoa supaya Allah akan campurtangan dalam situasi hak asasi manusia. (Mazmur 72:4)

Berdoa supaya kumpulan pemberontak rahsia yang mahu menutup sekolah-sekolah Kristian, hospital, kedai buku dan perniagaan kecuali mereka diberi wang yang banyak akan ditangkap, diadili dan dipenjarakan kerana ugutan mereka. (Yehezkiel 22:12-14)

## KEGANASAN

Berdoa supaya kumpulan pengganas akan dikelirukan dan tidak akan dapat bersatu, mendapat anggota baru atau ada keupayaan untuk mengganggu. Berdoa supaya kuasa kegelapan yang menggunakan pengganas sebagai alat akan diruntuhkan, dan orang akan dimerdekan untuk menyembah Tuhan. Berdoa supaya kepimpinan akan mengalami pertaubatan kepada kekristianan. (1 Timotius 2:1-4)

Berdoa untuk toleransi keagamaan. Berdoa terutamanya menentang kerja esktremis yang harus digelar pengganas dan ditangani oleh penguatkuasa kerajaan. (Amsal 11:21)

Berdoa supaya pelancong dan industri pelancongan (yang biasanya membawa masuk hasil keuntungan yang besar dalam negara) akan memberi tekanan ke atas kerajaan untuk mengizinkan kebebasan beragama. Berdoa supaya masyarakat antarabangsa tidak akan menerima ketidakadilan dan keganasan terhadap orang Kristian dan akan membanjiri pemimpin-pemimpin PBB, Kongres AS dan Persatuan Eropah dengan jutaan surat yang menuntut keadilan bagi semua rakyat. (Amos 5:24)

Berdoa supaya bila musuh datang menentang orang yang tidak bersalah, Roh Tuhan akan membangkitkan standard terhadap musuh dengan membangkitkan senjata dari simpanan-Nya di syurga. (Keluaran 15:3, 6-7 dan Yesaya 59:19)

Berdoa supaya strategi menggunakan askar Jihad dari pekan, bandar dan negara yang lain untuk mengganggu orang Kristian dan pengikut agama lain akan berhenti. (Nehemia 6:16)

Berdoa untuk usaha menangani keganasan terhadap wanita termasuk pembunuhan hormat. (Mazmur 31:15)

Berdoa supaya Tuhan akan menentang mereka yang menentang orang tak bersenjata, dan Tuhan akan menentang mereka yang bertempur melawan orang yang tidak bersalah. (Keluaran 14:21-31)

Berdoa supaya kerajaan akan memberikan perlindungan kepada semua rakyat mereka, termasuk orang Kristian yang menjadi minoriti. (Yeremia 23:4)

Berdoa supaya pengaruh kumpulan keganasan di negara jiran tidak akan masuk ke negara yang aman. (2 Timotius 2:24-26)

Berdoa supaya pengganas yang jahat ditangkap dan diadili sesuai keganasan

mereka terhadap orang yang tak bersalah. (Markus 4:22)

## PENGANIAYAAN

Berdoa supaya kedasyatan Tuhan akan jatuh ke atas mereka yang menganiaya orang Kristian dan Malaikat Tuhan akan melindungi orang Kristian. (2 Korintus 5:11)

Berdoa supaya anggota gereja bawah tanah akan miliki hikmat untuk mengetahui bagaimana dan di mana untuk bertemu. Berdoa supaya mereka menemui cara-cara yang kreatif untuk mengongsikan iman mereka dalam keadaan yang merbahaya. (Mazmur 112:6-8)

Berdoa supaya Allah menguatkan mereka yang dipenjarakan pada waktu ini dan berikan damai dan kesejahteraan kepada keluarga mereka. Berdoa supaya Allah menyokong orang Kristian yang bersembunyi dan mereka yang mengalami seksaan. (Daniel 3:25)

Berdoa untuk golongan kecil yang dianiaya – untuk pelepasan dari penderitaan mereka dan penamatan keganasan yang dilakukan oleh mereka yang berkuasa ke atas mereka. (Mazmur 119:114)

Berdoa supaya agensi yang bekerja untuk orang yang dianiaya dan orang yang menderita kerana hak asasi, akan bersuara bagi pihak mereka yang tak dapat bersuara. Berdoa supaya ada harapan baru untuk keadilan dan pelepasan akan datang kepada mereka yang sudah disiksa sedemikian. (Amsal 31:8)

Berdoa untuk pemimpin gereja – supaya Allah akan memberikan mereka hikmat untuk respon kepada arus penganiayaan yang baru. (Daniel 2:14)

Berdoa supaya semua yang memilih untuk mengikuti Kristus akan mengetahui bagaimana untuk hidup di bawah ancaman aniaya. Berdoa supaya Allah akan mengelilingi orang Kristian dengan perisai perlindungan dan akan mengirim malaikat untuk melayani mereka sebagai pewaris keselamatan. (Mazmur 29:11, Ibrani 1:14)

Berdoa supaya orang Kristian di dunia akan ambil kisah tentang penderitaan saudara-saudari mereka di tempat lain dan ambil tindakan untuk membantu mereka. (Yosua 1:14)

Berdoa untuk gereja-gereja dan pelayanan-pelayanan yang pernah ada anggota/ahli mereka mati syahid kerana Kristus – supaya mereka berani dan terus maju untuk memperoleh panggilan tertinggi di dalam

hidup mereka iaitu memberitakan Injil. (Filipi 3:14)

## AGAMA-AGAMA DUNIA

Minta Tuhan untuk terus campurtangan supaya undang-undang tidak akan diluluskan yang mengharamkan perubahan dari agama rasmi kepada kekristianan. (Daniel 7:25-26)

Berdoa untuk Kristian baru yang mengalami tekanan untuk menyangkal iman mereka pada Allah. Minta supaya Allah berikan mereka kekuatan untuk berdiri teguh dalam iman di tengah-tengah kesusahan besar. Berdoa supaya orang Kristian akan disegarkan dan dikuatkan dalam masa pencubaan. (Filipi 1:7)

Berdoa supaya negara-negara yang mengizinkan kebebasan bergama akan tetap dengan undang-undang mereka dan izinkan rakyatnya untuk mengamalkan agama mereka secara bebas. (Mazmur 97:7)

Berdoa untuk pemimpin kerajaan dalam tingkap 10/40 – agar mereka akan hilang iman pada agama mereka dan tidak akan jaga keselesaan mereka sahaja. Berdoa agar mereka dilucut jawatan jika mereka tidak tunduk. (Daniel 6:26-27)

Berdoa supaya perubahan dalam kepimpinan akan membuka jalan kepada dialog yang kekal dan efektif untuk menyelesaikan konflik agama dan sosial. (1 Timotius 2:1-4)

Berdoa untuk orang Kristian baru yang rasa susah melepaskan ikatan sosial dan rohani agama asal mereka. Berdoa supaya mereka akan terlatih dalam Firman Allah dan teguh atas iman baru mereka. (2 Korintus 3:14-18)

Berdoa untuk kesatuan antara aliran Kristian dan hubungan baik dengan agama-agama lain dalam masyarakat. (Efesus 4:3)

Berdoa untuk negara seperti Malaysia – supaya pegawai kerajaan mereka akan ada keberanian untuk menentang agama radikal daripada berkubu di dalam negara mereka, dan supaya mereka tegakkan hak undang-undang semua rakyat. (2 Tawarikh 32:7)

Berdoa supaya orang Kristian akan belajar bagaimana mengisytiharkan Firman Allah (Alkitab) untuk mengatasi tipu muslihat iblis. (Yesaya 55:10-11)

Berdoa untuk ibubapa Kristian untuk miliki hikmat untuk mengajar semula anak-anak mereka yang diajar dalam sistem pendidikan negeri. (Ulangan 6:6-9)

# FOKUS DOA